



BAB

KETIGA

BAB KETIGA

SEKOLAH BESTARI DI BAWAH JABATAN AGAMA ISLAM SELANGOR

3.1 Pendahuluan

Jabatan Agama Islam Selangor (J.A.I.S) merupakan sebuah jabatan yang bertanggungjawab terhadap agama Islam di negeri Selangor Darul Ehsan. Di atas kesedaran masyarakat Islam, maka J.A.I.S. telah ditubuhkan dengan harapan agama Islam akan terus berkembang di negeri Selangor dan ia terletak di Bangunan Sultan Sholehuddin Abd. Aziz Shah, Shah Alam. Di antara sektor utama yang diberi penumpuan oleh J.A.I.S. ialah Bahagian Pendidikan dan Pelajaran yang diamanahkan untuk mengurus dan mentadbir pendidikan dan pelajaran kepada semua anak-anak orang Islam di Negeri Selangor. Selain dari itu, ia bertanggungjawab terhadap seluruh institusi agama Islam di negeri ini seperti masjid, surau, sekolah, tadika dan sebagainya.

J.A.I.S. mempunyai institut pendidikan daripada pelbagai peringkat, iaitu daripada peringkat tadika, Kelas Agama Fardu Ain (K.A.F.A), Sekolah Rendah Agama (S.R.A), Sekolah Agama Menengah (S.A.M), Sekolah Agama Menengah Tinggi (S.A.M.T) dan kolej. Statistik bagi institusi-institusi di bawah pentadbiran J.A.I.S. sehingga tahun 1999 seperti berikut:⁸⁶

⁸⁶ Seminar Sekolah Bestari, JAIS. 1999:8

Statistik Sekolah J.A.I.S.

| Peringkat | Sekolah | Bil.Pelajar |
|-----------|---------|-------------|
| Tadika | 9 | 2,700 |
| KAFA | 216 | 50,000 |
| SRA | 187 | 150,000 |
| SAM | 22 | 17,000 |
| Kolej | 1 | 1,000 |

Sukatan pelajaran yang diajar di S A M bermula dari Tingkatan Satu hingga Enam Atas adalah menggunakan sukatan Kurikulum Baru Sekolah Menengah (K.B.S.M) Kementerian Pendidikan Malaysia dan sukatan pelajaran yang diperakui oleh Universiti Al-Azhar.

Dengan perkembangan negeri Selangor akan menjadi sebuah negeri maju pada tahun 2005, maka masyarakat Islam akan terdedah dengan pelbagai isu pembangunan dan sosial terutamanya dalam menyediakan tenaga mahir dalam bidang Teknologi Maklumat (I.T). Oleh itu, wajarlah J.A.I.S merancang program agar pembangunan negeri Selangor akan berjalan simbang dan harmonis.⁸⁷

3.2 Falsafah Pendidikan J.A.I.S.

Jabatan Agama Islam Selangor mempunyai Falsafah Pendidikan yang tersendiri, iaitu

:

⁸⁷ Blueprint Sekolah Agama Menengah Bestari Ng. Selangor. 1997:1

Satu usaha yang berterusan bagi menjamin & memantapkan ilmu Allah & Sunnah Rasulullah berkembang di sepanjang zaman untuk diamalkan dalam kehidupan seharian bagi melahirkan Muslim sejati yang mampu menegakkan syari'at Allah di muka bumi ini. (hlm.1)

Sistem pendidikan Jabatan Agama Islam Selangor turut menghayati pelaksanaan Falsafah Pendidikan Kebangsaan (F.P.K) sebagai memenuhi matlamat pendidikan negara. Sukatan pelajaran serta perincian kurikulum yang digunakan oleh sekolah-sekolah di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia turut digunakan dalam pendidikan sekolah menengah agama di bawah tajaan J.A.I.S. Apa yang membezakan antara kedua-dua sistem ini ialah sekolah-sekolah agama J.A.I.S ini terus mengekalkan pendidikan agama Islam dan sukatan Al-Azhar. Pelajar-pelajarnya perlu mengikuti mata pelajaran tambahan khusus berkaitan dengan pendidikan Islam selaras dengan Falsafah Pendidikan J.A.I.S.⁸⁸

3.3 Visi Pendidikan J.A.I.S

Sebagai satu perbadanan yang dipertanggungjawabkan terhadap segala aspek yang berkaitan dengan ajaran-ajaran agama Islam, J.A.I.S perlu mempunyai satu visi yang jelas dan konkrit untuk dijadikan pegangan sepanjang zaman.

Matlamat pendidikan J.A.I.S pula dicipta sebagai tambahan kepada Falsafah Pendidikan Kebangsaan dan Falsafah Pendidikan J.A.I.S seperti berikut:⁸⁹

⁸⁸ Bahagian Pendidikan Dan Pelajaran, 1981

⁸⁹ Bahagian Pendidikan Dan Pelajaran, 1981:2

Memberi pendidikan asas agama di Negeri Selangor bagi melahirkan pelajar yang sepenuhnya berilmu dan berakhlak mulia, kukuh dalam nilai-nilai Islam bagi mencapai muslim muttaqi serta mendapat keredaan Allah." (hal.2).

3.4 Misi Pendidikan J.A.I.S

Bahagian Pendidikan dan Pelajaran J.A.I.S diamanahkan untuk mengurus pendidikan agama Islam di Negeri Selangor Darul Ehsan, agar ia terus berkembang dan setiap individu Islam mendapat pengajaran agama Islam yang sewajarnya.

Misi Pendidikan J.A.I.S adalah sejajar dengan Perlembagaan Negara yang menjadikan Agama Islam sebagai agama resmi. Misi Pendidikan J.A.I.S seperti berikut :⁹⁰

- i. Meningkatkan mutu pendidikan melalui kurikulum bersepadu.
- ii. Melaksanakan program tahfiz Al-Quran secara meluas.
- iii. Meningkatkan mutu kurikulum bagi memperkukuhkan sistem pembelajaran.
- iv. Merancang, mengurus dan mengawal anggaran pembelajaran Bahagian Pendidikan dan Pelajaran.
- v. Mengurus Hal Ehwal Pelajaran agar pendidikan yang sempurna dapat dicapai.

3.5 Pendidikan Sekolah Bestari J.A.I.S

Jabatan Agama Islam Selangor telah mengorak langkah ke hadapan dengan melaksanakan satu sistem pendidikan Bestari sebagaimana yang dilakukan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia. J.A.I.S mengambil langkah tersebut bagi menyahut

⁹⁰ Bahagian Pendidikan Dan Pelajaran. 1981

seruan kerajaan dan megaplikasikan menifestasi Wawasan 2020 ke arah Malaysia sebuah negara Multimedia Super Coridor (M.S.C).

J.A.I.S telah mengambil langkah awal bersamaan pada 31 hb. Mei 1998 dengan menubuhkan sebuah sekolah perintis (*pilot school*) Sekolah Agama Bestari J.A.I.S di USJ 5 Jalam 5/3A, 47610, Subang Jaya,Sel. Pada peringkat awal, sekolah ini telah mengambil seramai 280 orang pelajar yang mencapai keputusan terbaik dalam peperiksaan Penilaian Menengah Rendah (P.M.R) dari 22 buah Sekolah Agama Menengah J.A.I.S. Seramai 34 orang guru telah ditempatkan dan diberi tanggungjawab melaksanakan pengajaran dan pembelajaran Bestari. Kurikulum yang digunakan adalah kurikulum K.B.S.M Kementerian Pendidikan Malaysia dengan dilengkapi kurikulum khas yang dinamakan kuirkulum Amal Islami. Pelaksanaan sekolah ini dibantu oleh sebuah konsultan yang telah dilantik oleh kerajaan Ng. Selangor, iaitu Darul Ehsan Multimedia Corporation (D.E.M.C) Sdn. Bhd. dalam melengkap infrastruktur Information of Communication Technology (I.CT).

Sekolah Bestari J.A.I.S seiring dengan Sekolah Bestari di Kementerian Pendidikan Malaysia, yang mana pembelajaran berfokuskan kepada pembudayaan amalan berfikir untuk membina kekuatan minda pelajar demi menghadapi cabaran zaman mereka pada masa akan datang dalam era Teknologi Maklumat (T.M).⁹¹

⁹¹ Seminar Sekolah Bestari, JAIS.1999:2

3.5.1. Konsep Pendidikan Bestari JAIS

Secara amnya Konsep Pendidikan Bestari J.A.I.S adalah sejajar dengan pendidikan Bestari Kementerian Pendidikan Malaysia dengan penambahan beberapa mata pelajaran sukatan Al-Azhar.

Secara spesifik pula, Konsep Pendidikan Bestari J.A.I.S. seperti berikut:⁹²

- i. Melaksanakan sistem pendidikan bersepadu K.B.S.R, K.B.S.M dan pendidikan agama yang berteraskan Al-Quran dan Al-Sunnah.
- ii. Menggalakkan pelajar berdikari dalam memperoleh ilmu naqli dan 'aqli dengan bimbingan murabbi.
- iii. Menguasai dan menggunakan teknologi semasa ke arah peningkatan kecemerlangan ilmu.
- iv. Melahirkan insan yang berbudaya ilmu, bertaqwa, berfikiran kreatif dan kritis, berakhlak mulia agar diredhai Allah SWT.

3.5.2. Misi dan Visi Pendidikan Bestari JAIS

Misi dan visi Sekolah Agama Menengah Bestari J.A.I.S. seperti berikut.⁹³

- i. Pemangkin ke arah merealisasikan wawasan dan falsafah Pendidikan J.A.I.S dalam arus pembangunan negara. Ianya diharapkan dapat menyediakan pelajar dalam pelbagai bidang akademik di samping mempunyai kewibawaan, kemampuan ilmu, amalan Islam dan mampu berperanan sebagai Dai'e.

⁹² Konsep Pendidikan Bestari JAIS.1

⁹³ Konsep Sek. Agama Men.Projek Bestari Ng. Selangor:3

- ii. Ke arah melahirkan kepimpinan yang berkesan setelah mereka tamat pengajian dan berkhidmat dalam pelbagai agensi kerajaan dan swasta di dalam mengenengahkan Amar Ma'ruf Nahi Munkar.
- iii. Ke arah menjadi institusi contoh yang mempunyai ciri-ciri Bestari bukan sahaja dalam aspek kemudahan pembelajaran tetapi menekankan peri pentingnya Bestari dan cemerlang di dalam pembentukan sahsiah muslim sejati.

3.5.3. Dasar Pendidikan Bestari JAIS

Jabatan Agama Islam mempunyai dasarnya yang tersendiri dalam mengurus Sekolah Bestari tajaan, ia seperti berikut:

a. Dasar Am

Pihak Bahagian Pendidikan di Jabatan Agama Islam Ng. Selangor telah menetapkan dasar tertentu terhadap pelaksanaan Sekolah Bestari J.A.I.S.. Tujuan dasar tersebut supaya perjalanan pengurusan dan pendidikan di Sekolah Agama Menengah Bestari J.A.I.S USJ 5/3A Subang Jaya, tidak menyeleweng dari matlamat asalnya.

Sekolah Bestari J.A.I.S menetapkan dasar bahawa setiap institusi pembelajaran di peringkat menengah dirangka semula secara bersistem dari segi pengajaran, pembelajaran dan pengurusan sekolah untuk menyediakan para pelajar yang mampu menghadapi era maklumat berdasarkan unsur-unsur berikut :⁹⁴

⁹⁴ Halatuju Sek.Bestari JAIS 2001:2

- i. Sekolah Bestari J.A.I.S mengamalkan budaya ilmu, kreatif dan penyayang berpaksikan kepada Al-Quran dan Al-Sunnah.
- ii. Sekolah Bestari J.A.I.S menyediakan pelajar agar cekap I.C.T bagi menghadapi cabaran era teknologi maklumat untuk menyahut Wawasan 2020 dan Selangor maju menjelang 2005.
- iii. Sekolah Bestari J.A.I.S mengambil peluang daripada pelaksanaan projek Multimedi Super Coridor (M.S.C) agar dapat menjana proses inovasi dalam pendidikan Islam.
- iv. Sekolah Bestari J.A.I.S memberi pendidikan bertujuan melahirkan pelajar yang sepenuhnya berilmu dan berakhlak mulia, bertunjangan unsur-unsur kebenaran, ketaatan, kesyumulan, kemahiran dan penghayatan ilmu serta mampu berdaya saing dalam era globalisasi bagi mencapai Muslim Muttaqi dan mendapat keredhaan Allah.

b. **Dasar Kemasukan Pelajar**

Kemasukan pelajar-pelajar ke Sekolah Bestari J.A.I.S adalah terbuka kepada seluruh rakyat Ng. Selangor, tanpa melihat kepada bangsa atau etnik-etnik tertentu. Walaubagaimana pun, Bahagian Pendidikan dan Pelajaran J.A.I.S. telah merangka satu dasar kemasukan pelajar ke Sekolah Bestari J.A.I.S sebagai panduan kepada pegawai yang bertanggungjawab dan juga supaya tidak berlaku sebarang masalah pada masa-masa akan datang.

Dasar kemasukan pelajar-pelajar ke Sekolah Agama Bestari J.A.I.S seperti berikut:⁹⁵

- i. Beragama Islam.
- ii. Warganegara dan keutamaan kepada rakyat DYMM Sultan Selangor Darul Ehsan yang lahir di negeri Selangor.
- iii. Pelajar-pelajar mesti mengikuti proses pengajaran dan pembelajaran Sekolah Rendah Agama J.A.I.S atau Sekolah Agama Rakyat J.A.I.S.
- iv. Syarat kemasukan pelajar ke Tingkatan Satu adalah berdasarkan kemasukan pelajar seperti prosedur yang pihak J.A.I.S lakukan sekarang, tetapi dasar yang perlu ada hanya menentukan jumlah pelajar dalam satu kelas, iaitu 35 pelajar sahaja.
- v. Pelajar mesti mempunyai rekod yang baik.

3.5.4. Objektif Pendidikan Bestari JAIS

Secara generik objektif pendidikan di J.A.I.S adalah selari dan mendokong Falsafah Pendidikan Kebangsaan (F.P.K), iaitu untuk membina satu generasi masyarakat yang seimbang dari aspek jasmani dan rohani.

Sekolah Bestari J.A.I.S diperkenalkan seiring dengan keperluan negara seperti berikut:⁹⁶

⁹⁵ Halatuju Sek.Bestari JAIS 2001:3

⁹⁶ Halatuju Sek.Bestari JAIS 2001:2

- i. Membina jati diri di kalangan lepasan J.A.I.S yang mampan dan mampu menangani cabaran kehidupan dan era Teknologi Maklumat (TM) pada abad 21.
- ii. Menjana pekerja-pekerja ilmu bagi industri teknologi tinggi di Malaysia yang berteraskan Al-Quran dan Al-Sunnah.
- iii. Menyokong usaha negara untuk mencapai dan mengekalkan daya saing ekonomi dengan negara-negara maju sejajar dengan Syari'at Islam.
- iv. Mewujudkan konsep perkongsian global dalam menerima dan menyampaikan ilmu bagi kesejahteraan ummah.

3.5.5. Kurikulum Pendidikan Bestari JAIS

Perancangan kurikulum alaf baru, mestilah bersifat futuristik, fleksibel dan dinamik supaya dapat menentukan corak masyarakat yang profil bangsa dan warganegara Malaysia. Oleh yang demikian pembestarian matapelajaran-matapelajaran sememangnya wajar dilaksanakan sama ada oleh pihak kerajaan atau mana-mana pihak yang berkaitan dengan dunia pendidikan.

J.A.I.S berusaha membestarikan beberapa mata pelajaran akademik dan mata pelajaran sukatan Al-Azhar. Bagi mata pelajaran akademik J.A.I.S akan menggunakan mata pelajaran yang telah dibestarikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (K.P.M), iaitu :⁹⁷

- i) Bahasa Inggeris
- ii) Bahasa Melayu
- iii) Matematik Teras

⁹⁷ Hala TujuSekolah Bestari.2000:3.

- iv) Sains Teras

Di samping itu, J.A.I.S berusaha untuk membestarikan mata pelajaran yang lain untuk tingkatan empat dan lima, iaitu :

- i) Bahasa Arab
- ii) Pendidikan Al-Quran dan Al-Sunnah
- iii) Pendidikan Syariah Islamiah

Manakala bagi mata pelajaran sukatan Al-Azhar pula, J.A.I.S akan membestarikan matapelajaran- matapelajaran seperti berikut:

- i) Tafsir & Hadis
- ii) Tauhid & Feqah
- iii) Bahasa Arab
- iv) Al-Quran Al-Karim.

Masa yang diperuntukan untuk pengajaran dan pembelajaran Bestari bagi setiap mata pelajaran ialah 35 minit, kerana tugas guru bukan hanya untuk menghabiskan sukatan pelajaran tertentu, tetapi pada masa yang sama guru seharusnya menerapkan beberapa kemahiran generik dan kemahiran teknologi.⁹⁸

3.5.5.1. Ciri-ciri Kurikulum

Kurikulum sekolah-sekolah Agama Bestari J.A.I.S. mempunyai ciri-ciri tersendiri. Ciri-ciri kurikulum Sekolah Bestari J.A.I.S yang telah ditetapkan oleh J.A.I.S seperti berikut :⁹⁹

- i. Membantu pelajar mencapai perkembangan menyeluruh.
- ii. Pengetahuan, kemahiran, nilai dan penggunaan bahasa yang betul merentas kurikulum.

⁹⁸ Halatuju Sek.Bestari JAIS 2000:3

⁹⁹ Halatuju Sek.Bestari JAIS 2000:4

- iii. Hasil pembelajaran dinyatakan secara jelas dan tepat untuk pelbagai tahap kebolehan.
- iv. Kesepaduan pengetahuan, kemahiran dan nilai yang sesuai untuk Zaman Maklumat.

Penekanan pengisian kurikulum Sekolah Bestari J.A.I.S bukan hanya menjurus kepada penguasaan ilmu pengetahuan dan kemahiran asas tetapi lebih dari itu, ialah penguasaan kepada pelbagai kemahiran.

Kemahiran-kemahiran yang dimaksudkan di sini ialah :¹⁰⁰

- i. Kemahiran merealisasikan konsep Al-Quran dan Al-Sunnah dalam kehidupan seharian.
- ii. Kemahiran berfikir secara kritis dan kreatif.
- iii. Kemahiran berkomunikasi secara berkesan.
- iv. Kemahiran menikmati keindahan ciptaan dan seni.
- v. Kemahiran membuat pilihan dan membuat keputusan.
- vi. Kemahiran mencari, menginterpretasi dan mengaplikasi maklumat.
- vii. Kemahiran bergaul dan bekerjasama dengan orang lain.
- viii. Kemahiran kepimpinan dan pengurusan.
- ix. Kemahiran menikmati dan mensyukuri keindahan ciptaan Allah.

3.5.5.2. Struktur Kurikulum

Kurikulum Sekolah Agama Menengah Bestari J.A.I.S adalah selari dengan kurikulum sekolah-sekolah menengah Kementerian Pendidikan Malaysia

¹⁰⁰ Halatuju Sek.Bestari JAIS 2001:5

(K.B.S.M) dengan penambahan beberapa kurikulum lain yang diambil dari sukatan pelajaran Sekolah Menengah Al-Azhar, Republic Arab of Egypt. Sekolah Agama Menengah Bestari J.A.I.S menyediakan kurikulum bagi dua kategori pembelajaran, iaitu:

- a. Kurikulum Kementerian Pendidikan Malaysia: Kurikulum Bersepadu Sekolah Menengah (K.B.S.M).
 - i. Kurikulum Menengah Rendah (K.M.R).

Kurikulum Menengah Rendah merangkumi tingkatan satu, dua dan tiga bagi peperiksaan Penilaian Menengah Rendah.(P.M.R) untuk pelajar tingkatan tiga.
 - ii. Kurikulum Menengah Tinggi (K.M.T).

Kurikulum Menengah Tinggi merangkumi tingkatan empat dan lima bagi peperiksaan Sijil Pelajaran Malaysia (S.P.M) yang akan dilaksanakan kepada pelajar tingkatan lima.
- b. Kurikulum Sukatan Pelajaran Sek.Men. Al-Azhar, Rep. Arab of Egypt.
 - i. Kurikulum Menengah Rendah Al-Azhar (K.M.R.Al-Azhar)

Kurikulum ini merangkumi tingkatan satu, dua dan tiga. Dalam kurikulum ini tiada peperiksaan besar yang dilaksanakan oleh J.A.I.S. hanya peperiksaan dalaman sahaja di bawah urusan pihak sekolah.

ii. Kurikulum Menengah Tinggi (K.M.T. Al-Azhar)

Kurikulum ini meliputi tingkatan empat bagi peperiksaan Sijil Menengah Agama (S.M.A).

Matlamat pendidikan menengah ialah untuk memperkembangkan potensi individu secara bersepadu dan menyeluruh dari segi rohani, intelek, emosi dan jasmani ke arah melahirkan insan rabbani yang seimbang, berakhlak mulia dan berketrampilan untuk pembangunan.¹⁰¹

Sekolah Agama Menengah Bestari J.A.I.S adalah sebuah sekolah yang menyediakan multi orientasi pendidikan, iaitu aliran biasa, sains tulen, sains Lukisan Kejuruteraan dan sukatan Al-Azhar. Walaubagaimana pun, secara amnya matapelajaran-matapelajaran bagi Sekolah Agama Menengah Bestari J.A.I.S dapat dibahagikan kepada dua orientasi, iaitu matapelajaran-matapelajaran kurikulum K.B.S.M dan matapelajaran-matapelajaran kurikulum Al-Azhar Republic Arab of Egypt.

Secara spesifik, klasifikasi matapelajaran-matapelajaran kurikulum K.B.S.M. Kementerian Pendidikan Malaysia dan sukatan pelajaran Al-Azhar mengikut tingkatan, seperti berikut:

- i. Tingkatan Satu, Dua dan Tiga kurikulum K.B.S.M.
 - ξ Bahasa Arab Komunikasi
 - ξ Bahasa Melayu
 - ξ Bahasa Inggeris
 - ξ Matematik
 - ξ Sains
 - ξ Sejarah

¹⁰¹ Hala Tuju Sek. Beatari JAIS .2001:7

- ξ Geografi
 - ξ Pendidikan Islam
 - ξ Kemahiran Hidup
- ii. Tingkatan Empat dan Lima aliran Sains Tulin Kurikulum K.B.S.M.
- ξ Bahasa Arab Tinggi
 - ξ Bahasa Melayu
 - ξ Bahasa Inggeris
 - ξ Matematik Moden
 - ξ Matematik Tambahan
 - ξ Pengajian Al-Quran wa Al-Sunnah
 - ξ Pengajian Syari'ah Islamiyyah
 - ξ Fizik
 - ξ Kimia
 - ξ Biologi
 - ξ Sejarah
- iii. Tingkatan Empat dan Lima aliran Sains Lukisan Kejuruteraan kurikulum K.B.S.M.
- ξ Bahasa Arab Tinggi
 - ξ Bahasa Melayu
 - ξ Bahasa Inggeris
 - ξ Matematik Moden
 - ξ Matematik Tambahan
 - ξ Pengajian Al-Quran wa Al-Sunnah
 - ξ Pengajian Syari'ah Islamiyyah
 - ξ Lukisan Kejuruteraan
 - ξ Fizik
 - ξ Kimia
 - ξ Sejarah
- iv. Tingkatan Satu, Dua dan Tiga kurikulum Al-Azhar.

- ξ Bahasa Arab
 - ξ Tafsir & Hadith
 - ξ Tauhid & Feqh
- v. Tingkatan Empat kurikulum Al-Azhar.
- ξ Bahasa Arab
 - ξ Tafsir & Hadith
 - ξ Feqh & Tauhid

3.5.5.3. Matlamat Kurikulum Bestari

Bahagian Pendidikan J.A.I.S telah berusaha dengan gigih untuk melaksanakan pembelajaran ala Bestari untuk menjadikan pendidikan di sekolah agama lebih efisien dan mengikuti perubahan zaman dengan menggunakan kemudahan teknologi IT.

Matlamat kurikulum Bestari J.A.I.S ialah:¹⁰²

- i. Mengembangkan potensi individu secara menyeluruh dan bersepadu untuk mewujudkan insan rabbani yang seimbang dan harmonis dari segi rohani, intelek, emosi dan jasmani.
- ii. Mewujudkan peluang bagi meningkatkan kebolehan dan kekuatan individu.
- iii. Mengembangkan pemikiran kritis dan kreatif berlandaskan al-Quran dan Al-Sunnah dan mengislamisasikan pendidikan .
- iv. Meningkatkan penglibatan pelajar dalam Sains dan Teknologi.

¹⁰² Hala Tuju Sek. Bestari JAIS .2001:9

3.6. Ko-kurikulum

Selain dari pembelajaran secara formal di dalam bilik darjah, J.A.I.S juga melaksanakan pembelajaran tidak formal di luar bilik darjah yang dikenali sebagai ko-kurikulum. Secara umumnya pelaksanaan ko-kurikulum Sekolah Agama Menengah Bestari J.A.I.S adalah sama dengan sekolah-sekolah agama J.A.I.S yang lain. J.A.I.S di Bahagian Pendidikan telah merancang mengadakan pelbagai aktiviti seperti sukan, pertandingan, Amal Islami dan sebagainya sama ada di peringkat sekolah, zon atau negeri.

Matlamat utama pelaksanaan ko-kurikulum untuk mencungkil bakat pelajar di peringkat sekolah-sekolah agama menengah J.A.I.S di samping mengeratkan silaturrahim di kalangan guru-guru, pelajar, kakitangan dan mereka yang terlibat.¹⁰³

Pelaksanaan ko-kurikulum Sekolah Agama Men. Bestari J.A.I.S dapat dikategori kepada tiga peringkat, iaitu:

- i) Peringkat Sekolah.
- ii) Peringkat Zon
- iii) Peringkat Negeri

Pihak pentadbiran Sekolah Agama Men. Bestari J.A.I.S dengan kerjasama Jabatan Agama Islam Selangor bahagian Pendidikan telah melaksanakan pelbagai aktiviti dan mewujudkan persatuan-persatuan dan kelab-kelab, pasukan beruniform, sukan dan ujian kemahiran Amal Islami seperti berikut:

¹⁰³ Kemahiran Amal Islami JAIS .2002:3

- a. Persatuan dan Kelab
 - i. Persatuan Bahasa Malaysia.
 - ii. Persatuan Bahasa Inggeris
 - iii. Persatuan Bahasa Arab.
 - iv. Kelab Sains, Sejarah, Lukisan Kejuruteraan, Geografi, Falaq Syar'ie dan I.T.

- b. Pasukan Beruniform
 - i. Kadet Remaja Sekolah (K.R.S)
 - ii. Persatuan Bulan Sabit Merah (P.B.S.M)
 - iii. Puteri Islam
 - iv. Teakwando & Silat

- c. Sukan
 - i. Bolasepak
 - ii. Takraw
 - iii. Bola Tampar & bola Jaring
 - iv. Ping Pong
 - v. Badminton

- d. Ujian Amal Islami
 - i. Tajhiz Jenazah
 - ii. Bahas Bahasa Melayu (Ala Parlimen) & Pidato
 - iii. Nasyid
 - iv. Tafsir Al-Quran, Tilawah Al-Quran & Tahfiz Al-Quran
 - v. Rawi dan Marhaban
 - vi. Khutbah & Syarahan

3.7. Pengajaran Dan Pembelajaran (P&P)

Pedagogi Sekolah Bestari J.A.I.S. merupakan suatu perkara yang baru kepada masyarakat Malaysia dan ia memerlukan satu contoh dan modul kepada pelaksanaan sistem Sekolah Agama Bestari, di mana pembelajaran Bestari yang dianggap lebih baik dan efisien berbanding dengan sistem pendidikan yang ada sekarang.

Kerajaan Negeri Selangor melalui Jabatan Agama Islam Selangor (J.A.I.S) dan Sekolah Agama Menengah Bestari J.A.I.S. USJ 5/3A Subang Jaya, telah mengatur satu program Lawatan Sambil Belajar ke luar negara pada bulan Disember 1998. Lawatan tersebut adalah bertujuan meninjau secara lebih dekat perancangan serta pelaksanaan Sekolah Bestari di England. Melihat sendiri teknologi dan peluang kerjasama seperti latihan guru dengan sekolah-sekolah Bestari di England.¹⁰⁴

3.7.1. Proses Pengajaran dan Pembelajaran (P&P)

Pengajaran dan pembelajaran merupakan aspek penting dalam pelaksanaan kurikulum. Pelajar alaf baru perlu mendapat segala kemudahan teknologi terkini yang disediakan untuk membantu mereka dalam proses pembelajaran seperti komputer, multimedia, cekera padat, internet, sidang video (video conferent) dan sebagainya.

Strategi pengajaran dan pembelajarn adalah lebih berpusatkan kepada pelajar melalui pembelajaran secara terarah sendiri (*self-directed*) untuk memperolehi maklumat sendiri (*self-acces*) mengikut kadar kemampuan atau kebolehan sendiri (*self-paced*)

¹⁰⁴ Seminar Sekolah Bestari JAIS .1999:6

di mana, penekanan diberikan terhadap hasil pembelajaran dalam bentuk amalan dan aplikasi.¹⁰⁵

Proses pengajaran dan pembelajaran Bestari yang dilaksanakan oleh J.A.I.S di Sekolah Agama Menengah Bestari J.A.I.S dapat dinyatakan seperti berikut:

i. Sukatan Pelajaran K.B.S.M Bestari.

Guru-guru yang berkaitan dikehendaki mengajar semua mata pelajaran K.B.S.M. yang telah dibestarikan oleh Kementerian Pendidikan Malaysia (K.P.M) mengikut modul Bestari, iaitu :

- a. Bahasa Melayu & Bahasa Inggeris
- b. Matematik
- c. Fizik
- d. Kimia Biologi

ii. Sukatan Pelajaran K.B.S.M. Bukan Bestari

Matapelajaran bagi sukatan K.B.S.M. Bukan Bestari ialah selain daripada matapelajaran yang tersebut di atas. Walaubagaimana pun, pihak Bahagian Pendidikan J.A.I.S telah berusaha untuk membestarikan matapelajaran yang belum dibestarikan oleh pihak KPM, iaitu:

- a. Pengajian Al-Quran dan Al-Sunnah
- b. Pengajian Syariah Islamiah
- c. Bahasa Arab Tinggi
- d. Bahasa Arab Komunikasi
- e. Sejarah & Geografi
- f. Lukisan Kejuruteraan

¹⁰⁵ Hala Tuju Sekolah Bestari JAIS.2001:8

g. Fizik, Kimia & Biologi

iii. Sukatan Pelajaran Al-Azhar

Buku-buku teks sukatan Al-Azhar pada keseluruhannya menggunakan bahasa Arab sepenuhnya dan guru dikehendaki menjalankan pengajaran menggunakan bahasa Arab sebagai bahasa komunikasi. Matapelajaran-matapelajaran bagi sukatan AL-Azhar seperti berikut:

- a. Bahasa Arab
- b. Tafsir & Hadith
- c. Tauhid & Feqah

iv. Sukatan Pelajaran Teknologi Maklumat (I.T)

Pembelajaran teknologi di Sekolah Agama Menengah Bestari J.A.I.S, melaksanakan pembelajaran literasi komputer. Kemahiran dan perisian yang diajar ialah :

- a. Kemahiran Asas Komputer
- b. Microsoft Office
- c. Asas HTML & ComIL
- d. Flash dan Photoshop
- e. Internet & E-Mail

Masa persekolahan atau proses pengajaran dan pembelajaran bermula dari jam 7.40 pagi sehingga 1.40 tengahari untuk hari Isnin, Selasa, Rabu dan Khamis, manakala pada hari Jumaat pula masa persekolahan bermula dari pukul 7.40 pagi sehingga 12.20 tengahari. Guru-guru diberi jadual waktu mengajar mengikut opsyen masing-masing. (rujuk: Lampiran 1 Jadual Waktu Guru Bahasa Arab S.A.M. Bestari J.A.I.S.)

Selain dari itu, pihak pengurusan Sekolah Agama Menengah Bestari J.A.I.S telah menetapkan jadual belajar harian bagi setiap pelajar. Para pelajar dikehendaki mengikuti setiap ketetapan tersebut kerana ia telah mendapat persetujuan daripada pihak J.A.I.S.

Jadual belajar harian dapat dirumus seperti berikut:¹⁰⁶

a. Untuk bulan Januari sehingga Mac jadual belajar harian seperti berikut:

- i. Kelas Persediaan Petang (3.00 p.m. – 5.00 p.m)
- ii. Kelas Persediaan Malam (9.00 p.m. – 11.00 p.m.)

b. Untuk bulan April sehingga September jadual belajar harian seperti berikut:

- i. Kelas Tambahan (3.00 p.m. – 5.00 p.m.)
- ii. Kelas Persediaan Malam (9.00 p.m. – 11.00 p.m.)

3.7.2. Strategi Pengajaran dan Pembelajaran (P&P)

Keberkesanan proses pengajaran dan pembelajaran adalah bergantung kepada strategi dan teknik yang diamalkan oleh guru. Oleh sebab itu, pihak Bahagian Pendidikan J.A.I.S telah menggariskan beberapa penumpuan, strategi dan panduan berkenaan dengan pelaksanaan proses pengajaran dan pembelajaran di Sekolah Bestari agar ia mencapai matlamat yang diharapkan.

Ia telah dirumuskan di dalam kertas kerja Hala Tuju Sekolah Bestari Jabatan Agama Islam Selangor, seperti berikut:

¹⁰⁶ Fail Setiausaha Kurikulum S.A.M.Bestari J.A.I.S. 2003

i. Pembelajaran Koperatif

Kurikulum berkisar dalam bentuk tugas, permasalahan dan projek yang dijalankan oleh pelajar dalam kumpulan yang mengandungi berbagai tahap kebolehan penglibatan diri dalam kemahiran intrapersonal dan interpersonal, merangkumi kemahiran membuat keputusan, mengendalikan konflik dan mengekalkan hubungan baik antara ahli kumpulan.

ii. Berfikir secara Kritis dan Refleksi

Fokus aktiviti kurikulum kepada kebolehan membuat keputusan dan keputusan berlandaskan sebab-sebab yang rasional serta justifikasi. Minda yang kritis berupaya mengenalpasti andaian-andaian, idea, pandangan yang membawa kepada perubahan tingkah laku peribadi yang lebih baik atau penghasilan produk baru.

iii. Pengembangan Kreativiti

Kurikulum perlu banyak menonjolkan aktiviti-aktiviti yang kreatif termasuklah berfikir secara logik, membina daya imaginasi dan boleh memberi pandangan. Kreativiti-kreativiti tersebut dapat dipupuk dan dijana sekiranya individu tersebut diberi galakan.

iv. Kemahiran Generik

Kemahiran-kemahiran generik dapat menyediakan tenaga kerja yang mahir, cekap dan berketrampilan di tempat kerja dan alam pekerjaan. Pekerja yang berketrampilan menjadi aset kepada majikan, dapat

memajukan diri dan menyumbang kepada pembangunan ekonomi negara.

v. Multilingualisme

Arus globalisasi dan ledakan maklumat memerlukan kebolehan pelbagai bahasa. Untuk itu, rakyat Malaysia perlu menguasai dua bahasa atau lebih, selain dari Bahasa Melayu supaya boleh berkomunikasi dengan berkesan dan berupaya menggunakan segala maklumat dan pelbagai bahasa.

vi. Penghayatan Akhlak Mulia

Pemupukan dan penghayatan akhlak mulia masyarakat Islam Malaysia dilanjutkan di samping nilai-nilai masyarakat moden. Hanya insan rabbani, beradab dan berakhlak tinggi sahaja mampu menguasai ilmu-ilmu baru tanpa mengorbankan agama dan kebudayaan bangsa. Insan rabbani sedar dan insaf bahawa ia perlu menguasai ilmu bagi melaksanakan tugas terhadap dirinya, Allah, keluarga dan masyarakat manusia serta alam sekeliling.

vii. Pelbagai Kecerdasan

Setiap individu mempunyai kecerdasan dan kebolehan yang pelbagai. Kesemua potensi seperti yang disarankan dalam teori Pelbagai Kecerdasan (*Multiple Intelligences*) iaitu verba-linguistik, logiko matematik, muzik, body-kinesthetic, inter-personal dan intrapersonal diberi tumpuan, ini dapat melahirkan individu yang holistik dan seimbang.

3.8. Pelan Tindakan Pelaksanaan Pendidikan Bestari J.A.I.S

Untuk memastikan pelaksanaan Pendidikan Bestari mencapai matlamat, J.A.I.S perlu membuat satu pelan tindakan yang teliti dan rapi. Perancangan harus melihat secara global terhadap keperluan-keperluan utama sumber tenaga dan prasarana, sama ada di peringkat pentadbiran pusat di J.A.I.S, sekolah, guru dan pelajar.

Pelan tindakan secara menyeluruh yang telah dirancang oleh pihak pentadbiran J.A.I.S sebagaimana yang dinyatakan di dalam kertas kerja Hala Tuju Sekolah Bestari Jabatan Agama Islam Selangor, adalah seperti berikut:

- i. Menyediakan kemudahan prasarana dan perisian aplikasi asas sebagai pengupaya pengajaran dan pembelajaran.
- ii. Menyediakan rangkaian untuk memudahkan komunikasi dan interaksi antara pelajar dengan dunia luar.
- iii. Menyediakan sistem sokongan yang menyeluruh untuk memastikan sumber yang dibekalkan adalah terkini dan berfungsi dalam keadaan optimum.
- iv. Menyediakan Kurikulum Bestari (K.B) sebagai panduan pengajaran dan pembelajaran untuk semua mata pelajaran.
- v. Menyediakan multi sumber pengajaran dan pembelajaran elektronik berasaskan keperluan kurikulum yang mencukupi, kemaskini dan mudah diakses.
- vi. Menggunakan pedagogi Bestari secara gabungan strategi pembelajaran yang sesuai untuk memastikan penguasaan kecekapan asas dan meningkatkan pembangunan yang menyeluruh.

- vii. Menjalankan sistem Pentaksiran Bestari untuk menyediakan gambaran pencapaian pelajar yang lebih tepat dan menyeluruh.
- viii. Menyediakan tenaga sumber manusia yang mencukupi dan terlatih dalam bidang masing-masing untuk melaksanakan kurikulum Bestari.
- ix. Mewujudkan unit pemantauan pelaksanaan Kurikulum Bestari.
- x. Menyediakan dan mewujudkan peruntukan masa untuk pelajaran akademik dan sukatan Al-Azhar yang sesuai dan munasabah mengikut keperluan Pentaksiran Bestari seperti berikut :

a. Sekolah Agama Menengah Bukan Aliran Sains Tulin.

i. Tingkatan 1,2 dan 4.

Matapelajaran Akademik : 70%

Matapelajaran sukatan Al-Azhar : 30%

ii. Tingkatan 3 dan 5

Matapelajaran Akademik :80%

Matapelajaran sukatan al-Azhar : 20 %

b. Sekolah Agama Menengah Aliran Sains Tulin.

i. Tingkatan 4

Mata pelajaran Akademik : 80%

Matapelajaran sukatan Al-Azhar : 20%

ii. Tingkatan 5

Mata pelajaran Akademik : 90%

Matapelajaran sukatan Al-Azhar : 10%

Daripada pelan tindakan yang telah disusun oleh J.A.I.S untuk merealisasikan pelaksanaan Pendidikan Bestari di sekolah-sekolah agama J.A.I.S, ia dapat dirumus kepada beberapa strategi.

Strategi-strategi tersebut ialah:¹⁰⁷

- i. Mewujudkan program pembelajaran, pengajaran, pengurusan, pemantauan, penilaian, latihan dan polisi Sekolah Bestari J.A.I.S. di semua peringkat persekolahan.
- ii. Mewujudkan Masyarakat Pendidikan J.A.I.S. menerusi satu persekitaran komunikasi serta perkongsian ilmu secara elektronik di antara pentadbir, pengajar, pelajar dan ibu bapa.
- iii. Mewujudkan Kurikulum Sekolah Bestari J.A.I.S. untuk peringkat sekolah tadika, rendah, menengah dan kolej.

Di antara kelengkapan prasarana yang telah dirancang oleh Jabatan Agama Islam Selangor ialah seperti berikut :¹⁰⁸

- i. Naik taraf bangunan
 - a. Ubahsuai pejabat, bilik guru, pusat sumber dan makmal komputer.
 - b. Pendawaian semula untuk aircondition dan rangkaian komputer.(computer net)
 - c. Tukar tahap pendawaian dari single phase kepada tiga phase.
 - d. Keselamatan bilik dipertingkatkan dengan memasang gril besi.
 - e. Pemasangan kelengkapan air condition.

¹⁰⁷ Seminar Sekolah Bestari JAIS.199:10.

¹⁰⁸ Hala Tuju Sek.Bestari JAIS.2001:18

Dari aspek penyediaan kelengkapan teknologi, banyak perancangan yang telah difikirkan oleh J.A.I.S sebagaimana yang dinyatakan dalam Hala Tuju Sek.Bestari JAIS, seperti berikut :

- i. Perkakasan I.C.T.
 - a. Komputer multimedia dengan net work -minima: model Celeron atau Pentium.
 - b. TV untuk setiap sekolah - minima : 29 inci.
 - c. V.C.D.,Scanner, Printer, C.D Writer dan Multimedia projector.
 - d. Smart Board & Kamera Digital.

ii. Rangkaian (Net)

Jenis rangkaian yang dicadangkan ialah LAN dan WAN.

Perkakasan yang diperlukan bagi rangkaian (Net) iaitu :

- a. Hub. (minima: 10/100 bps : Switches Hub).
- b. Server, Fire Wall & Anti Virus.
- c. Kabel (UTP / Fiber Optik.)
- d. Perisian Rangkaian.
- e. Web Rap. (perkakasan untuk merangkaikan internet.)
- f. Modem. (Line ISDN / Dial Up.)

iii. Perisian.

Jenis perisian yang boleh membantu proses pengajaran dan pembelajaran seperti berikut :

- i. Windows 2000 & Window Arabic.
- ii. Office 2000 edisi :English Arabic.
- iii. Star Office.
- iv. Adibe Photoshop.

- v. ComIL & Flash.
- vi. Sistem Maklumat Pelajar & Kewangan Sekolah.
- vii. Perisian bagi semua matapelajaran.

Sebagaimana yang dinyatakan di dalam Hala Tuju Sekolah Bestari J.A.I.S, Bahagian Perkembangan Staf telah menyediakan satu program latihan bersekala kepada semua kakitangan J.A.I.S di Bahagian Pentadbiran, guru-guru dan kakitangan sokongan di Sekolah Bestari J.A.I.S berkenaan konsep dan pelaksanaan sekolah Bestari, seperti berikut :

- i. Latihan Formal.
 - a. Mengadakan latihan secara berperingkat dan berterusan
 - b. Penyediaan krusus-krusus kemahiran kepada sasaran
 - c. Kursus Literasi Komputer
 - d. Kursus Pemasangan dan Baikpulih Komputer
 - e. Kursus Penyelaras I.C.T
 - f. Kursus Kakitangan Pengurusan
 - g. Kursus Penyediaan Perisian
- ii. Latihan Tidak Formal.
 - a. Mengadakan Lawatan
 - b. Melihat Pameran
 - c. Pertandingan

Untuk lebih memantapkan lagi pelaksanaan Sekolah Bestari, maka J.A.I.S. telah menubuhkan satu komuniti khas yang bertanggungjawab terhadap Teknologi Maklumat, iaitu Jawatankuasa Unit Sekolah Bestari.

- i. Prosedur Pengurusan (PRO/PGN).
- ii. Prosedur Pengajaran dan Pembelajaran (PRO/PNP).
- iii. Prosedur Pentadbiran (PRO/PTD).
- iv. Prosedur Hal Ehwal Pelajar (PRO/HEP).
- v. Prosedur Disiplin (PRO/DIS).
- vi. Prosedur Kebajikan (PRO/KEB).
- vii. Prosedur Kesihatan (PRO/KES).
- viii. Prosedur Badan Bimbingan Dan Kaunseling (PRO/BBK)
- ix. Prosedur Kokurikulum (PRO/KOK).
- x. Prosedur Peperiksaan (PRO/PEP).

Setiap unit mempunyai manual atau prosedur khusus yang menjadi garis panduan kepada semua guru untuk melaksanakan sesuatu tugas. Sebagai contoh dinyatakan sebahagian daripada Prosedur Pengajaran dan Pembelajaran (PRO / PNP / 003) (rujuk Lampiran 2).

Dari segi pemerhatian pengkaji, didapati pelaksanaan sistem kualiti MS ISO 9002 menjadikan sistem pengurusan di S.A.M. Bestari J.A.I.S. bertambah efektif dan cekap, kerana segala gerak kerja guru telah disusun secara teratur di dalam prosedur. Guru hanya perlu menyemak proses prosedur bagi sesuatu kerja dan mengikuti sepenuhnya.

Pengkaji akan menyatakan prosedur-prosedur yang berkaitan dengan Pengajaran Dan Pembelajaran seperti berikut :

Bahagian A: Prosedur Pengajaran Dan Pembelajaran di
 Bahagian Pendidikan Islam J.A.I.S.
 (PRO/PNP(BPI)/001-003).

- PRO/PNP(BPI)/001: Pemantauan Pelaksanaan Kurikulum
Sek.Agama Men. Ng. Selangor.
- PRO/PNP(BPI)/002: Penyelarasan Jadual Waktu Kurikulum
Sek.Agama Men. Ng. Selangor.
- PRO/PNP(BPI)/003: Pembangunan Kurikulum.
- Bahagian B: Prosedur Pengajaran Dan Pembelajaran di
S.A.M. Bestari J.A.I.S.(PRO/PNP/001-012)
- PRO/PNP/001: Jadual Waktu
- PRO/PNP/002: Rancangan Pengajaran Tahunan (R.P.T)
- PRO/PNP/003: Pengajaran Dan Pembelajaran
- PRO/PNP/004: Pemantauan Guru Mengajar
- PRO/PNP/005: Pengendalian PNP Di Makamal Sains
- PRO/PNP/006: Penyediaan PNP Di Bengkel Kemahiran Hidup
Bersepadu
- PRO/PNP/007: Penggunaan B.B.M. Dan A.P.D. Dalam
Pengajaran Dan Pembelajaran.
- PRO/PNP/008: Guru Ganti
- PRO/PNP/009: Mesyuarat Jawatankuasa Akademik
- PRO/PNP/010: Mesyuarat Panitia

3.9. Pengurusan Sekolah Bestari JAIS.

Dilihat dari prosedur pengurusan Sekolah Bestari sudah pasti ia berbeza dengan sekolah biasa . Guru-guru di Sekolah Agama Bestari J.A.I.S USJ 5/3A, Subang Jaya,

telah pun diberi pendedahan awal tentang gaya pengajaran dan pembelajaran Bestari dan pengetahuan mengenai I.C.T. oleh Bahagian Pendidikan J.A.I.S, Jabatan Pendidikan Selangor (J.P.S) dan oleh sebuah konsultan Darul Ehsan Multimedia Corporation (D.E.M.C) Sdn. Bhd.¹¹¹

Satu bengkel berkaitan Sekolah Bestari J.A.I.S. telah diadakan di Port Dickson pada November 1998 dengan kerjasama dari J.P.S., P.P.K. dan D.E.M.C. Hasil dari bengkel tersebut satu Blueprint Sek. Agama Men. Bestari J.A.I.S telah dapat dibukukan sebagai panduan asas pengurusan dan pelaksanaan Sekolah Bestari.¹¹²

Pengurusan di Sekolah Agama Bestari J.A.I.S. adalah selari dan sejajar dengan pengurusan di sekolah-sekolah Bestari di bawah Kementerian Pendidikan Malaysia.

Sistem pengurusan Sekolah Bestari J.A.I.S. adalah berteraskan teknologi dengan membina perisian sistem pengurusan yang sesuai merangkumi sembilan perkara seperti berikut:¹¹³

- i. Pengurusan Pentadbiran
- ii. Pengurusan Kewangan
- iii. Pengurusan Hal Ehwal Pelajar
- iv. Pengurusan Kurikulum
- v. Pengurusan Asrama
- vi. Pengurusan Perkembangan Staf dan Latihan
- vii. Pengurusan Sumber Luar
- viii. Pengurusan Sumber Pendidikan

¹¹¹ Temubual GPK (1) S.A.M.Bestari.2003.

¹¹² Seminar Sekolah Bestari JAIS 1999:7

¹¹³ Konsep Pendidikan Bestari JAIS.5.

ix. Pengurusan Inventori

Sistem Pengurusan Sekolah Bestari yang diamalkan oleh J.A.I.S. adalah sama dengan Kementerian Pendidikan Malaysia. Ini kerana dasar dan polisi J.A.I.S. sinonim dengan dasar dan polisi K.P.M.

Profail Sekolah Agama Men. Bestari J.A.I.S USJ 5/3A, Subang Jaya seperti berikut

:¹¹⁴

Nama Sekolah: Sekolah Agama Menengah Bestari Jabatan Agama Islam
Selangor.

Kod Sekolah : BXY 0022

Alamat : Jalan USJ 5/3A1, 47610 Subang Jaya, Selangor.

Telefon : 03 – 56377681.

Fax : 03 - 56327519

Homepage : <http://www.samusj5.edu.my>

¹¹⁴ Kajian Semula Hala Tuju Sek.Agama Men. Bestari JAIS.2000:10